



## Penilaian semula historiografi Malaysia melalui sejarah lisan

Rahilah Omar<sup>1</sup>, Siti Fathihah AL<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: Rahilah Omar (email: rahilah@ukm.my)

### Abstrak

Sejarah lisan bermaksud suatu proses menghasilkan sumber –sumber sejarah melalui teknik temubual/wawancara atau soal jawab yang dibuat menggunakan pita rakaman mahupun proses transkripsi. Pengumpulan, penyalinan semula, penyusunan, penerbitan dan penyimpanan rakaman keterangan-keterangan yang dibuat oleh individu yang mempunyai kaitan dengan sesuatu peristiwa yang menarik perhatian penyelidik, dilakukan berpandukan sistem tertentu adalah sebahagian daripada sejarah lisan. Di Malaysia, kaedah *inquiry* ini masih merupakan satu kaedah yang masih baru malahan penggunaan kaedah ini sebagai satu kegiatan yang praktikal dalam pengkajian sejarah negara masih belum diterima keseluruhannya. Keraguan terhadap kebenaran yang diperolehi melalui kaedah sejarah lisan menyukarkan bidang ini untuk berkembang dengan pesat di negara ini. Namun demikian, dengan berpandukan kepada kaedah dan teknik yang sistematik dan benar, sejarah lisan nyata mempunyai kekuatannya yang tersendiri. Pemantapan sejarah lisan dalam menulis kembali historiografi Malaysia akan memberikan satu nilai dan pandangan yang baru. Penulisan sejarah terutamanya berkaitan peristiwa penting dalam perkembangan negara perlu diungkap kembali atas dasar wujudnya perbezaan pandangan berdasarkan kepada perbezaan sumber yang diperolehi. Peristiwa Memali mengungkapkan perbezaan cerita berdasarkan sisi masing-masing, antara pihak polis, kerajaan dan pihak pelaku.

**Katakunci:** historiografi, kaedah inkuiri, kaedah temubual, konsep bias, peristiwa Memali, sejarah lisan

## Re-evaluating modern Malaysian historiography through oral tradition

### Abstract

Oral history can be defined as the interviews (with individuals usually) in the form of sound recordings or transcripts thereof, intended for research use. The process of collecting, copying, restructuring, publishing and storing of data according to a specific system from individuals having any connection with a meaningful event is part of oral history as an inquiry method. In Malaysia, this method is still regarded new and the use of oral history in fact and evidence finding is yet to be accepted wholly. Doubts arose among scholars about the truth behind data collected through the method of oral history. This paper, however, argues that the challenge is a matter of giving time for all the systematic and technical methods of oral history to gain its own strength among Malaysian researchers. The re-writing of Malaysian history, in particular, of highly important and meaningful events, is an imperative as the diverse variety of information sources utilised hitherto has give way to different perceptions of real events. The event of Memali is presented as a case in point where the government's version of the event differed vastly from those of the individuals involved and arrested during the event. The use of oral history in finding further facts and evidences may rectify gaps of understanding the Memali event. In short, the use of oral history in re-examining Malaysian history will only add value to the vital inquiry process.

**Keywords:** historiography, inquiry bias, interview, inquiry method, Memali, oral history

## **Pemantapan sejarah lisan: Kepentingannya dalam penulisan kembali historiografi Malaysia**

Sejarah lisan merupakan salah satu kaedah yang digunakan dalam penyelidikan sejarah bagi mendapatkan serta mengesahkan kebenaran sesuatu fakta sejarah yang diperolehi. Menurut The Society of American Archives, sejarah lisan membawa maksud;

“An interview that records an individual's personal recollections of the past and historical events and the audio or video recordings, transcripts, and other materials that capture and are associated with such an interview”.

Selain itu, sejarah lisan ini juga boleh didefinisikan sebagai satu kaedah inkuiri untuk mendapatkan maklumat-maklumat lanjut kepada sejarah bertulis. Keterangan ini didapati melalui wawancara samada dengan pelakunya, seorang saksi mata, seorang pendengar, seorang pemegang tradisi atau seorang yang mengetahui tentang sesuatu peristiwa berkenaan.<sup>1</sup> Berdasarkan kepada definisi yang diberikan ini sahaja dapat memperlihatkan bahawa kaedah sejarah lisan tidak mungkin dapat menggantikan sumber bertulis dalam sebarang penyelidikan sejarah. Maka persoalannya kini, sejauhmana kaedah sejarah lisan masih relevan untuk diaplikasikan dalam merekonstruksi semula peristiwa sejarah? Apakah kaedah ini masih mampu untuk mengukuhkan dan memantapkan lagi historiografi Malaysia.

Sejarah lisan sebagai satu kaedah dalam penyelidikan akan pasti membantu kepada penemuan serta pemahaman terhadap peristiwa sejarah dengan lebih baik. Bagi masyarakat yang masih menjadikan tradisi sejarah lisan sebagai satu kaedah untuk menceritakan sejarah bangsanya, maka kaedah sejarah lisan sememangnya sangat penting. Masyarakat di Afrika misalnya yang masih kekal dengan kaedah ini bahkan terdapat individu yang bertanggungjawab sebagai penyimpan khazanah bangsanya melalui penceritaan. Justeru, kaedah sejarah lisan merupakan kaedah terbaik dalam usaha mengkaji serta memahami sejarah serta masyarakatnya. Bagi masyarakat yang sudah memiliki sistem tulisan bahkan menjadikan sumber bertulis sebagai kaedah penyimpan rekod dan maklumat yang utama tidak bermakna bahawa kaedah sejarah lisan tidak dapat diaplikasikan. Kepelbagaian sumber yang dilakukan bersama sumber bertulis dan sumber lisan akan mampu mengukuhkan penemuan sesuatu fakta. Keseragaman fakta yang dikemukakan dalam sumber bertulis di samping kepastian daripada sumber lisan akan menjadikan sesebuah penyelidikan dan penemuan sejarah itu lebih menampakkan kredibiliti dan keabsahannya. Pengetahuan yang diperolehi melalui sejarah lisan terutamanya berkaitan peristiwa sejarah yang berlaku akan mampu mengelakkan kepada rujukan hanya kepada satu pihak sahaja. Pengetahuan sejarah yang turut diperolehi daripada saksi samada saksi proto yang terlibat dan berada sewaktu kejadian, mahupun saksi mata dan telinga akan membolehkan kajian yang dilakukan lebih seimbang dan tidak berat sebelah. Sejarah lisan nyata masih memiliki kekuatannya dalam sesebuah penyelidikan sejarah. Bagi sejarah Malaysia, apakah dengan menggunakan kaedah sejarah lisan, pemahaman yang ada kini berkaitan dengan historiografi negara kita akan berbeza? Dan mungkinkah sejarah lisan akan memberikan satu penilaian dan penafsiran baru kepada peristiwa sejarah Malaysia kepada setiap rakyat negara ini?

### **Peristiwa Memali: Penelitian semula berpandukan sejarah lisan**

Dalam memperlihatkan kepentingan sejarah lisan dalam penulisan kembali historiografi Malaysia, Peristiwa Memali dijadikan sebagai contoh. Umumnya peristiwa ini dipilih atas kesedaran bahawa penggunaan sejarah lisan dalam penyelidikan sejarah akan memberikan satu gambaran terbaru bukan sahaja kepada pihak yang terlibat malahan generasi kini yang cuba untuk memahami di sebalik peristiwa yang berlaku. Peristiwa Memali ini merujuk kepada peristiwa yang telah berlaku di Kampung Mali, Mukim Siong, Baling, Kedah pada 19 November 1985. Dikenali sebagai Kampung Memali setelah

---

<sup>1</sup> Badriyah Hj. Salleh dan Tan Liok Ee. *Alam Pensejarahan: Dari Pelbagai Perspektif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1996. hlm. 1

kejadian tersebut disiarkan melalui media massa, Peristiwa Memali memberikan satu impak besar dalam perjalanan politik negara ketika itu. Serangan dan pertempuran ini dipercayai ekoran kegiatan eksploitasi agama yang semakin berleluasa serta kebimbangan akan ketidakstabilan keselamatan yang akan tercetus sekiranya tidak dilakukan usaha menghalang yang lebih keras. Kebimbangan pihak kerajaan ini bahkan telah tergambar apabila Kertas Putih bertajuk “Ancaman Kepada Perpaduan Umat Islam dan Keselamatan Negara” dikeluarkan. Kertas Putih yang dikeluarkan pada November 1984 ini antara lainnya menjadi antara usaha kerajaan memerangi kegiatan dan propaganda yang berterusan dilakukan oleh individu yang berlindung di sebalik agama untuk tujuan peribadi.

Ibrahim Mahmood dipercayai sebagai individu utama di sebalik berlakunya pertembungan antara pihak kerajaan dan pihak penyokong. Bumi Memali menyaksikan pertumpahan darah seterusnya korbannya 18 nyawa daripada kedua-dua pihak dengan 4 orang anggota polis dan 14 orang daripada pihak penyokong Ibrahim Mahmood atau lebih dikenali sebagai Ibrahim Libya. Bagi mangsa yang tercedera pula, sebanyak 23 orang adalah anggota polis manakala 14 orang merupakan orang awam. Kejadian tersebut yang turut mengorbankan Ibrahim Libya juga turut sama membawa kepada penahanan berpuluh-puluh orang pengikut Ustaz Ibrahim yang terdiri daripada wanita, kanak-kanak dan lelaki dewasa. Dipercayai bahawa angka individu yang ditahan ekoran kejadian tersebut adalah kira-kira 159 orang, 118 lelaki, 29 wanita dan 12 orang kanak-kanak. Bagi pihak kerajaan, pertempuran yang berlaku pada 19hb November 1985 merupakan satu langkah terakhir yang terpaksa dilakukan bagi mengekalkan keamanan bukan sahaja di Kampung Memali malahan kesejahteraan negara ketika itu.

Setelah kejadian tersebut, perhatian terus diberikan terhadap isu Memali. Dalam soal apakah kematian Ibrahim Libya bersama pengikutnya adalah sebagai mati syahid mahupun tidak, nyata wujud pandangan yang berbeza. Bagi pihak PAS, kematian ahli dan juga calon bagi pembangkang ini seharusnya digelar sebagai kematian para syuhada. Pihak kerajaan pula mempunyai pandangan yang nyata berbeza. Melalui Jawatankuasa Fatwa Majlis Agama Islam Kedah, Ibrahim Libya dan penyokong yang turut sama terkorban pada kejadian bukan sebagai mati syahid malahan kumpulan Ustaz Ibrahim Libya hanya lebih hampir dan menyerupai dengan bughah atau penjenayah. Kontroversi yang timbul daripada Peristiwa Berdarah Memali ini berterusan apabila kerajaan pada 25 Februari 1986 telah mengeluarkan Kertas Putih berhubung Peristiwa Memali. Pengeluaran Kertas Putih bagi bertujuan memberikan pemahaman kepada rakyat Malaysia berkaitan Peristiwa Memali serta isu berkaitan dengannya. Ini dapat dilihat sebagai usaha kerajaan untuk memberikan satu justifikasi terhadap tindakan yang telah dilakukan yakni semata-mata demi kebajikan rakyat dan negara. Seperti yang dijangkakan penerimaan negatif pihak pembangkang terutamanya PAS yang sejak mula menegaskan langkah diambil kerajaan hanyalah sebagai bermotifkan politik.

Kini, setelah 26 tahun berlalu, Peristiwa Memali kekal menjadi peristiwa hitam dalam lipatan sejarah negara. Persoalan siapakah pihak bertanggungjawab, apakah wujud motif politik mahupun kebenaran terhadap dakwaan penyelewengan agama oleh Ibrahim Libya masih diperdebatkan. Meskipun tidak lagi sehebat dahulu, namun nyata masih terdapat segelintir pihak yang hingga kini mempersoalkan serta menyuarakan penentangan terhadap kenyataan yang diberikan oleh kerajaan. Penulisan umum oleh individu yang terlibat dalam peristiwa tersebut seperti mangsa tahanan serta tulisan orang awam jelas memberikan satu gambaran cerita yang berbeza. Penyokong Ibrahim Libya yang juga antaranya menjadi tahanan Memali masih terdapat segelintirnya yang giat bergerak samada melalui penulisan mahupun kegiatan ceramah dan kuliah. Ini bagi mereka sebagai usaha menyampaikan kepada masyarakat luar kisah sebenar di sebalik kejadian tersebut. Situasi yang berlaku ini seolah-olah memberikan gambaran masih terdapat isu mahupun kontroversi berkaitan Peristiwa Memali yang masih belum mencapai penyelesaiannya. Perbezaan keterangan mahupun penceritaan oleh kedua-dua pihak ini akhirnya menimbulkan kekeliruan kepada masyarakat luar yang masih peka terhadap isu terbabit.

Justeru, penggunaan sejarah lisan dilihat sebagai salah satu penyelesaian yang dapat diambil dalam usaha meninjau dan menulis kembali peristiwa hitam 1985 tersebut. Tidak bertujuan memberikan satu hukuman moral terdapat setiap individu yang terlibat samada pihak kerajaan mahupun penyokong serta keluarga yang terlibat. Penyelidikan serta penggunaan sejarah lisan ini selebihnya bertujuan

membentangkan beberapa isu serta persoalan yang masih lagi berlegar berkaitan Peristiwa Memali. Perbezaan pandangan serta kekeliruan keterangan yang terdahulu akan dikemukakan bagi memberikan kesedaran bahawa sejarah lisan nyata akan memberikan satu pemahaman yang berbeza dan berkemungkinan lebih baik berkaitan peristiwa Memali serta konflik lain yang berlaku dalam sejarah negara. Lantas, mampu memantapkan lagi historiografi Malaysia bukan sahaja untuk pengertian semula generasi lalu bahkan untuk tatapan dan pemahaman generasi kini dan akan datang.

### **Ibrahim Libya dalam kacamata penduduk Memali**

Seperti yang dibincangkan sebelum ini, kerajaan melalui media massa dan juga pengeluaran Kertas Putih nyata meletakkan Ibrahim Libya seorang individu bertanggungjawab kepada teretusnya Peristiwa Memali. Pelajar lulusan dakwah dari Libya yang juga bekas kakitangan di Pusat Islam, Kuala Lumpur ini dikatakan bukan sahaja mengetuai cubaan mengguling kerajaan bahkan melaksanakan penyelewengan agama. Penyampaian kuliah mahupun ceramah agama yang disampaikan oleh Ibrahim Libya mengandungi unsur-unsur ajaran yang mencurigakan sehingga menjadi dakyah. Konsep jihad dan syahid yang ditekankan oleh Ibrahim Libya yang lebih dikenali sebagai Ustaz Man dalam kalangan masyarakat Kampung Memali ini begitu sinonim dalam setiap ceramah dan kuliah yang disampaikan. Berdasarkan paparan Kertas Putih kerajaan, konsep jihad yang diketengahkan oleh Ibrahim Libya jelas menekankan kepada jihad melalui senjata. Baginya, permulaan revolusi bersenjata yang berpaksikan kepada perjuangan mempertahankan agama Islam merupakan cara yang dibenarkan. Memetik kenyataan daripada tahanan Memali yang dimuatkan dalam Kertas Putih;

“Jihad yang dimaksudkan oleh Ustaz Ibrahim kepada pengikut-pengikutnya ialah jihad dengan senjata menentang Kerajaan angkuh, berpura-pura hendak menjalankan hukum Islam, tetapi mereka sebenarnya tidak mahu.”<sup>2</sup>

Bukan sahaja itu, Ibrahim Libya juga turut menganjurkan kepada semangat pemusuhan antara ahli PAS dan juga UMNO di kawasan Memali. Sentimen politik yang menebal dalam diri Ibrahim Libya ini turut mempengaruhi kehidupan bermasyarakat di Kampung Memali dengan kewujudan blok politik yang terpisah sama sekali. Silatullah ini seolah-olah terputus dengan kehadiran dan kekuatan pengaruh Ibrahim Libya di kampung tersebut.

Namun, persoalan yang timbul ialah sejauhmana kenyataan ini dapat diterima oleh penduduk Kampung Memali dan bekas tahanan Memali khususnya. Persoalannya ialah siapakah Ibrahim Libya kepada penduduk Memali sehinggakan pengikut ini sanggup bersama Allahyarham pada hari kejadian 19hb November 1985 tersebut. Apakah wujud perbezaan penilaian antara golongan pengikut dan juga kerajaan sendiri? Merupakan anak kelahiran Kampung Charok Putih, Baling, Kedah, Ibrahim Libya dan anak kedua daripada lima adik beradik. Ibrahim Libya yang cemerlang dalam bidang akademik hingga membolehnya melanjutkan pengajian setelah menyelesaikan persekolahan di negeri Kedah. Memilih untuk menyambung pengajian dalam bidang dakwah, Ibrahim Libya telah menghabiskan pengajian di beberapa negara termasuk India, Mesir dan Libya. Setelah pulang ke tanah air pada tahun 1976, beliau telah dipilih untuk berkhidmat di Bahagian Dakwah, Pusat Islam, Kuala Lumpur. Kredibiliti Ibrahim Libya sewaktu menjadi penceramah di Pusat Islam itu terserlah dengan penglibatannya dalam pelbagai ceramah yang dianjurkan di pelbagai negeri dan juga jemputan daripada media penyiaran Radia Television Malaysia. Namun, setelah berkhidmat selama 2 tahun, Ibrahim Libya memutuskan untuk berhenti daripada perkhidmatan kerajaan dan pulang ke negeri kelahirannya, Kedah.

Tindakan drastik yang diambil oleh Ibrahim Libya ini menimbulkan kekeliruan bagi banyak pihak memandangkan kehidupan yang dinikmati sebagai kakitangan kerajaan ketika itu sangat terjamin. Bagi pengikut Ibrahim Libya, tindakan yang diambil ini bukanlah satu hal yang harus dihairankan. Kegagalan untuk bebas memberikan pandangan dan kritikan terutamanya dalam hal ehwal Islam dan dibayangi oleh

---

<sup>2</sup> Kertas Perintah 21 Tahun 1986: Peristiwa Memali. hlm. 6

pihak atasan menyebabkan Ibrahim Libya mengambil tindakan tersebut. Keengganan untuk terus dikongkong oleh pihak atasan ini serta memikirkan nasib penduduk di kampungnya sendiri menjadi antara punca utama. Tatkala itu, masyarakat di Kampung Memali dan sekitarnya masih lagi dikatakan tidak mendapat pendedahan ilmu agama yang tinggi. Kepulangan Ibrahim Libya dilihat sebagai satu kesempatan yang dinantikan dan sejurus pulang, Ibrahim Libya terus terlibat dalam menyampaikan kuliah dan menjadi guru agama di kampungnya. Bagi penduduk Memali dan sekitarnya, Ibrahim Libya telah memberikan sumbangan yang besar dengan kehadirannya serta penglibatan dalam usaha memberikan kesedaran agama dalam kalangan penduduk. Penghormatan pengikutnya terhadap Ibrahim Libya ini semakin terbukti apabila kehidupan penduduk terutamanya dalam soal pembangunan ummah di kampung tersebut semakin baik. Jelas, wujud perbezaan penilaian yang berlaku antara pihak yang menyokong dan juga individu yang menentang Ibrahim Libya. Lebih banyak bertopengkan kepada alasan agama dan pembangunan rohani di kampungnya, pihak penentang melihat tindakan Ibrahim Libya ini hanyalah sebagai memenuhi impiannya untuk lebih terlibat dalam politik. Sementelah pula, pada tahun 1978, Ibrahim Libya telah mula bergiat aktif dalam politik dengan bertanding dalam pilihanraya umum atas tiket sebagai calon Parti Islam SeMalaysia (PAS). Jika sebelum itu, ceramah dan kuliah Ibrahim Libya berkisarkan agama sahaja, namun kini persoalan politik turut sama dibincangkan. Lantaran itu menyebabkan penyampaiannya semakin lantang dan semakin banyak menimbulkan kontroversi terutamanya apabila membincangkan isu semasa ketika itu seperti isu ISA. Ibrahim Libya menjadi antara suara pembangkang yang cukup keras menyatakan tentangannya terhadap pelaksanaan akta terbabit.

Bagi pengikut Ibrahim Libya, kaedah penyampaian kuliah dan ceramah agama yang disampaikan olehnya menjadi antara tarikan utama kepada berkembangnya pengaruhnya. Ketegasan yang ditonjolkan oleh Ibrahim Libya dalam mengemukakan sesuatu isu mahupun hukum tanpa mengira kecaman atau amaran pihak yang menentang menimbulkan satu rasa kehormatan kepadanya. Kebolehannya memberikan dalil berdasarkan Al-Quran dan Sunnah terhadap sesuatu hukum jelas membuktikan kehebatan ilmu yang dimiliki. Keadaan inilah yang menyebabkan kemungkinan wujudnya pandangan bahawa Ibrahim Libya lebih banyak menekan serta bersikap keras terhadap pengikutnya. Dalam soal dakwaan meruntuhkan hubungan sosial dalam kalangan penduduk, dan membezakan mereka mengikut parti politik bagi pengikut Ibrahim Libya, berkemungkinan ketegasan yang disampaikan oleh Ustaz Man ini menyebabkan perbezaan penilaian. Ketegasan ini mungkin telah menimbulkan konflik dan salah faham antara masyarakat setempat yang sememangnya ketika sudah berbeza pandangan dan fahaman politik. Lebih merumitkan lagi apabila salah faham ini berlaku dalam kalangan penduduk yang kebanyakannya mempunyai tali persaudaraan, krisis yang timbul akan lebih jelas dan berlanjutan. Bagi penduduk Memali yang rata-rata menjadi pengikut Ibrahim Libya kenyataan dan dakwaan berhubung ketua merangkap guru agama mereka sama sekali tidak benar. Pada sisi mereka, Ibrahim Libya menampakkan ciri-ciri sebagai ketua yang bukan sahaja wajar dihormati bahkan diikuti contoh dan teladannya. Rasa hormat dan kesetiaan yang diberikan oleh para pengikut ini yang pada mulanya disebabkan oleh kehebatan ilmu agama yang dimiliki ini berlanjutan dengan ketegasan penyampaiannya. Lantaran itu, Peristiwa Memali pada pandangan mereka dilihat sebagai satu perjuangan dalam mempertahankan ajaran Islam dan juga memoertahankan kebenaran yang dibawa oleh Ustaz Man.

### **Pengisian ajaran Ibrahim Libya: Wujudkah penyimpangan daripada agama?**

Melalui paparan media massa dan juga kenyataan dalam Kertas Putih, tindakan kerajaan turut sama dalam pertempuran pada 19hb November 1985 tersebut tidak lain hanyalah bagi memulihkan dan menjamin kestabilan keamanan negara termasuklah dalam soal keselamatan agama di negara ini. Pengerakan Ibrahim Libya secara umumnya sentiasa dipantau pihak kerajaan ekoran daripada wujudnya kekhawatiran bahawa ajaran yang disampaikan olehnya banyak mengandungi unsur yang menyimpang daripada ajaran Islam yang sebenar. Setelah pulang ke kampung halamannya, Ibrahim Libya sewaktu menjadi guru di Madrasah di Madrasah Iqtifaqiah, Kampung Charok Putih dan juga Madrasah Kampung Memali

dikatakan banyak menyampaikan ajaran yang tidak selari dengan ajaran dan ajuran agama Islam. Bermula daripada konsep jihad dan syahid, ajaran yang disampaikan oleh Ibrahim ini juga turut sama membenarkan kepada amalan yang menyimpang daripada Islam seperti pemakaian tangkal dan azimat serta penggunaan jampi serapah. Ajaran Ibrahim Libya yang dilihat meragukan ini antaranya dapat dilihat ketika Peristiwa Memali berlaku. Gambar-gambar yang dimuatkan menjadi bahan bukti dalam memaparkan kisah Memali kepada khalayak umum tentang sejauh mana ajaran Ibrahim Libya ini begitu menyeleweng dari Islam.

Kebenaran terhadap dakwaan berkaitan pemesongan ajaran islam oleh Ibrahim dinafikan secara tegas oleh pengikut Ibrahim Libya. Bagi mereka yang rapat serta mengikuti ceramah dan kuliah Ibrahim Libya yakin bahawa tidak pernah wujud cubaan penyelewengan yang dilakukan olehnya. Perkara yang diajarkan masih berpandukan kepada luno ajaran Islam yang didasarkan kepada Al- Quran dan As-Sunnah. Bagi mereka, dakwaan pemesongan agama ini hanyalah sebagai cubaan bagi memberikan imej negatif terhadap Ibrahim Libya untuk tujuan mengesahkan tindakan serangan oleh pihak kerajaan ketika Peristiwa Memali tersebut.

Sememangnya tidak dinafikan Ibrahim Libya menekankan kepada konsep jihad dan syahid dalam kebanyakan ucapannya. Namun, menurut pengikutnya, anjuran jihad dan syahid ini tidak bermaksud bahawa perlunya kepada serangan dan perjuangan bersenjata. Jihad dan syahid ini lebih kepada perjuangan menyebarkan dakwah dan syiar dan menentang kerajaan melalui luno yang dibenarkan. Selaku calon PAS, Ibrahim Libya memilih untuk bergerak memperjuangkan hukum dan ajaran Islam melalui pilihanraya. Sementelah, penduduk Memali ketika itu hampir 90% merupakan ahli PAS. Maka tidak menghairankan bagi Ibrahim Libya untuk terus menerus menyeru kepada jihad kepada para pengikutnya untuk kekal bergerak aktif dalam politik negara. Jihad mengangkat senjata menurut pengikut Ibrahim Libya tidak pernah dalam agenda ajaran yang disampaikan dan konsep syahid yang diinginkan hanyalah semata-mata bersama-sama menyebarkan syiar Islam.

Dalam soal pemakaian tangkal, azimat serta jampi serapah, penilaian yang berbeza juga diperoleh daripada kedua-dua pihak, yakni pihak kerajaan dan pihak penyokong Ibrahim Libya. Media dalam menerangkan tentang Peristiwa Memali telah turut memuatkan bahan bukti seperti tangkal azimat yang dipakai oleh pengikut serta kolam air yang dipercayai mengandungi air berjampi. Penggunaan tangkal dan air berjampi ini jugalah yang membawa kepada kerosakan yang dialami oleh pengikut wanita Ibrahim Libya pada hari kejadian sehingga berupaya tampil ke hadapan, menjadi benteng dan menyerang anggota polis dan individu lain dari pihak kerajaan. Penegasan telah dibuat oleh para pengikut Ibrahim Libya yang sama sekali tidak percaya bahawa wujudnya amalan berkenaan bahkan diikuti oleh pengikut Ibrahim Libya. Bagi golongan ini, berdasarkan kepada ajaran dan ilmu agama yang sering diterapkan kepada mereka, tidak mungkin Ibrahim Libya akan turut sama dalam mengajak kepada amalan berkenaan. Bagi Ibrahim Libya, amalan-amalan tersebut menjadi antara perkara yang sama sekali dilarang kepada pengikutnya kerana menjadi suatu amalan yang khurafat. Penerapan ajaran ini jelas bertentangan dengan apa yang disiarkan oleh media massa yang turut sama disokong oleh kerajaan.

Bagi penyokong Ibrahim Libya ini, antara kemungkinan berlakunya kejadian tersebut adalah disebabkan jumlah ahli yang terlibat dalam kejadian pada pagi 19 hb tersebut. Keadaan ini menyebabkan bukan sahaja Ibrahim Libya tidak dapat mengetuai keseluruhan pengikutnya malahan pemahaman dan kesedaran agama dalam kalangan pengikut yang berbeza menyukarkan lagi keadaan tersebut. Malahan, wujud dakwaan terdapat individu-individu yang tidak dikenali hadir dan berada dalam kawasan rumah Ibrahim Libya pada hari kejadian. Individu ini bukan sahaja turut sama dalam pemakaian tangkal azimat malah terdapat juga yang turut sama membawa masuk senjata ke bahagian Ibrahim Libya dan pengikutnya berlindung. Suasana pada hari kejadian yang kelam-kabut menyebabkan tidak ramai pengikut yang dapat memberikan perhatian dan memberikan penjelasan yang tepat berhubung isu terbabit. Namun, satu perkara yang dapat dipastikan, golongan pengikut ini tegas dalam menafikan bahawa Ibrahim Libya yang berperanan dalam menerapkan ajaran dan amalan yang menyimpang daripada ajaran Islam tersebut. Ketegasan yang diberikan ini yang menyebabkan wujudnya persoalan terhadap mungkinkah terdapat pihak-pihak lain yang cuba mengambil kesempatan dalam kejadian

pertempuran antara pihak kerajaan dan juga pengikut Ibrahim Libya. Kekangan daripada pelbagai saksi atas faktor lokasi saksi ketika kejadian, situasi dan emosi ketika itu menghalang satu kesepakatan antara para pengikut Ibrahim Libya yang turut sama menjadi saksi proto bagi mendapatkan maklumat berhubung peristiwa Memali.

### **Anjuran kepada revolusi Islam: Cubaan menggulingkan kerajaan oleh Ibrahim Libya**

Asas kepada teretusnya kejadian Memali pada 19hb November 1985 antara lainnya disebabkan wujudnya dakwaan bahawa Ibrahim Libya bersama-sama pengikutnya berusaha bagi mewujudkan satu gerakan revolusi Islam bagi menumpaskan kerajaan yang sedia ada. Jawatankuasa ini melantik Ibrahim Libya sebagai ketua revolusi manakala 2 orang kanan dipilih sebagai timbalan ketua dan naib ketua yakni Muhamad Yusuf Bin Husin dan Ahmad Bin Hassan. Revolusi Islam antara matlamat pentingnya ialah;

“Merancang mempercepatkan cita-cita Ibrahim Bin Mahmood menggulingkan kerajaan secara bersenjata.”<sup>3</sup>

Melalui gerakan revolusi Islam ini, Ibrahim Libya turut sama mendapatkan kerjasama daripada pimpinan PAS yang lain untuk turut serta dalam melaksanakan misi dan visinya. Perancangan teliti telah diatur oleh pihak jawatankuasa tertinggi bersama 8 orang ahli jawatankuasa lain antaranya ialah dengan menjalankan pengumpulan senjata di kawasan rumah Ibrahim Libya. Menurut media massa lagi, Ibrahim Libya turut sama menjalankan hubungan dengan pihak Pembebasan Islam Patani (POLO) bagi tujuan bekerjasama dalam mencapai matlamat kedua-dua pertubuhan tersebut. Selain daripada itu, sebagai persiapan melancarkan revolusi, pihak polis pada hari kejadian turut sama menjumpai kubu pertahanan yang telah dibina oleh pengikut Ibrahim Libya sekiranya pertempuran berlaku di kawasan rumah guru mereka. Selain itu, pihak polis turut sama menyenaraikan jumlah senjata yang dirampas oleh pihak keselamatan yang dipercayai sebagai dimiliki oleh Ibrahim Libya dan pengikutnya. Antara jenis dan bilangan senjata yang dirampas ialah parang panjang 34, pedang 38, lastik 10, kapak 4, anak panah 18, kerambit 2, tombak 1, senapang patah 1, peluru kosong 5, peluru hidup 13, molotar cocktail 13, lampu picit 15, jamung (untuk direjam) 51.<sup>4</sup> Berdasarkan kepada jumpaan ini, digambarkan bahawa betapa rapi dan kesungguhan pihak Ibrahim Libya melengkapkan diri dalam menghadapi pihak polis pada hari kejadian.<sup>5</sup>

Bagaimana pula dengan reaksi pengikut Ibrahim Libya berhubung kenyataan ini? Sudah pasti tentangan diberikan oleh golongan ini yang merasakan bahawa ada sisi lain dalam penceritaan ini yang tidak dipaparkan oleh pihak kerajaan dan media massa. Bagi mereka, Ibrahim Libya tidak menunjukkan sebarang tindakan yang membawa kepada penubuhan satu gerakan revolusi Islam. Masih lagi berpegang kepada prinsip jihad dan syahid, namun berbeza pendekatannya berbanding yang dikhabarkan oleh media. Meskipun Ibrahim Libya bersuara lantang dalam menentang dasar kerajaan ketika itu, namun masih tidak sampai ke tahap penentangan bersenjata. Menurut ucapan Datuk Musa Hitam, Menteri Dalam Negeri ketika itu, kehadiran pihak berkuasa di tempat kejadian hanyalah bagi menangkap beberapa individu yang dipercayai terlibat dalam beberapa siri kejadian jenayah yang berlaku. Tindakan keras pengikut yang mempertahankan individu tersebut yang akhirnya membawa kepada pertempuran antara kedua-dua pihak terbabit. Memetik ucapan beliau di Parlimen;

“Begitu banyak kejadian yang mencabar pihak berkuasa telah terjadi di beberapa tempat dan di beberapa negeri dalam beberapa bulan yang lalu. Di antaranya ialah kes di Kampung Memali, Ceruk Putih, Mukim Siong, Baling di Kedah yang telah mendapat perhatian pihak berkuasa. Di kampung ini seorang yang bernama Ibrahim bin Mahmood atau Ibrahim Libya dan dua orang

<sup>3</sup> Kertas Perintah 21 Tahun 1986: Peristiwa Memali. hlm. 13

<sup>4</sup> Majalah Dakwah. Januari 1986. hlm. 5

<sup>5</sup> *Ibid.*, hlm. 6

penyokongnya, iaitu Mat Ramli Che Mid dan Yusof Che Mid yang dikehendaki oleh polis kerana terlibat dalam beberapa jenayah telah berlindung.”<sup>6</sup>

Peristiwa pertempuran pada 19hb November 1985 telah mengorbankan Ibrahim Libya, manakala bagi Ramli Che Mid, penangkapan dilakukan sebulan setelah kejadian dan ditempatkan bawah ISA. Yusof Che Mit telah lari menyembunyikan diri daripada penangkapan pihak berkuasa antaranya berlindung di Thailand dan setelah lebih setahun, penangkapan terhadap tidak lagi dilakukan.<sup>7</sup> Bagi individu yang dimaksudkan, lain pula sisi ceritanya. Dakwaan sebagai penjenayah dan kini menjadi buruan polis tidak pernah timbul bahkan amaran mahupun cubaan penangkapan oleh pihak berkuasa tidak pernah dilakukan. Bahkan, hanya selepas berlaku peristiwa hitam pada 19hb November 1985 tersebut, barulah diketahui kisah sebenarnya.

Bagi pengikut Ibrahim Libya, keadaan ini sememangnya menimbulkan satu kekeliruan dan berpandangan ini hanyalah salah satu daripada taktik pihak kerajaan bagi mengaburi mata khalayak umum. Episod kejadian 20 Oktober 1985 hanyalah sebagai tiket bagi meneruskan cubaan pihak berkuasa untuk menangkap Ibrahim Libya yang sememangnya dikehendaki sejak dahulu lagi. Ini berikutan dengan kegagalan pihak berkuasa untuk menangkap Ustaz Ibrahim dibawah Akta Keselamatan Dalam Negara (ISA) pada 1 September 1984.<sup>8</sup> Bagi pihak kerajaan pula, kegagalan ini menyebabkan pihak Ibrahim Libya semakin angkuh dan lebih lantang dalam menyuarakan penentangan dan hasrat mereka bagi menggulingkan kerajaan ketika itu. Kelemahan tersebut dicanang dan Ibrahim Libya meskipun sudah terbatas pergerakannya, namun masih lagi meneruskan ceramah dan kuliah terutamanya di Kampung Memali.

Selain itu, antara dakwaan lain yang turut sama dikedam oleh pengikut Ibrahim Libya ialah berhubung dengan isu pengumpulan senjata. Bagi pihak ini, Ibrahim Libya tidak pernah menerusi ceramah atau kuliah yang disampaikan mengajak kepada gerakan menggulingkan kerajaan melalui senjata, maka soal pengumpulan senjata tersebut tidak pernah timbul. Apa yang diperoleh pada hari kejadian, tidak dinafikan dimiliki oleh orang kampung. Namun senjata tersebut hanyalah digunakan bagi kerja-kerja harian. Ini tidak perlu dihairankan disebabkan hampir keseluruhan penduduk kampung hanya bekerja di kampung seperti dalam pertanian getah dan padi. Manakala senjata lain hanya digunakan sebagai mempertahankan diri apabila berlakunya serangan pada pagi kejadian. Malahan senapang patah yang ditemui bukanlah milik Ibrahim Libya melainkan dibawa masuk oleh pengikutnya yang ketika itu bertugas dengan RELA. Kenyataan yang diberikan oleh pihak pengikut ini turut membawa kepada timbulnya persoalan lain, yakni dengan menggunakan senjata tersebut bagi mempertahankan diri, adakah pihak kerajaan yang memulakan serangan pada pagi 19hb November 1985? Bagi pengikut Ibrahim Libya, dalam keadaan yang tidak bersedia bahkan tidak menjangkakan akan berlakunya pertemburan berdarah dengan pihak berkuasa, maka tidak ada sebarang kemungkinan bahawa pihak mereka yang memulakan serangan. Nyata, kesalahan diletakkan kepada pihak berkuasa bahkan terdapat juga segelintir yang berpandangan bahawa pihak polis yang terkorban juga berkemungkinan besar ditembak oleh rakan setugasnya sendiri. Perbezaan pandangan oleh kedua-dua pihak ini didasarkan atas sebab latar belakang dan juga prinsip politik yang didukung. Tambahan lagi, keadaan ketika itu yang masih samar-samar, tanpa ada pihak yang memerhati dengan jelas membolehkan kedua-dua pihak memberikan pandangan dan

---

<sup>6</sup> Ucapan Penuh Datuk Musa Hitam di Parlimen pada 20hb. November. 1985 Berhubung dengan Peristiwa Berdarah di Kampung Memali, Baling, Kedah

<sup>7</sup> Dakwaan terhadap individu ini ekoran daripada ketegangan yang berlaku pada 20 Oktober 1985 apabila Ibrahim Libya menganjurkan Majlis Tamrin Mustaqim yang diadakan sekurang-kurangnya sekali sebulan. Majlis pada 20 Oktober tersebut turut dihadiri oleh Ustaz Awang Bakar, Ketua Dewan ulamak PAS dari Terengganu. Berlaku penahanan terhadap Yusof Che Mit atas dakwaan membawa senjata yakni parang bagi tujuan menyerang pihak berkuasa yang sedang melakukan kawalan. Sebagai tindak balas, pengikut Ibrahim Libya telah menahan Ketua Polis Baling, ASP Tungku Muzaffar Shah dan sebagai penyelesaian, kedua-dua pihak menyerahkan tahanan masing-masing atas tujuan keselamatan.

<sup>8</sup> *Memperingati Syuhada' Memali*. Kaula Lumpur: Jabatan Penerangan dan Penyelidikan PAS Pusat. 1986. hlm. 6



cerita masing-masing. Keadaan ini turut membawa kepada kesukaran bagi menentukan kesahihan berpihak kepada golongan mana, samada pihak berkuasa atau Ibrahim Libya dan pengikutnya.

Di samping itu, imej Ibrahim Libya terus tercalar dengan kenyataan terhadapnya berhubung isu dakyah dan amalan bertentangan dengan Islam yang disampaikan. Bukti ini turut dirakamkan malahan disiarkan oleh media penyiaran ketika itu yang memperlihatkan keadaan wanita yang dijadikan benteng bahkan berada dalam keadaan kerasukan atau hilang ingatan. Ini dipercayai disebabkan oleh amalan dan jampi yang dikenakan kepada mereka oleh Ibrahim Libya sendiri. Bagi individu yang dimaksudkan, kejadian yang berlaku punya cerita yang berlainan. Keadaan ketika itu menyebabkan bukan sahaja fizikal malahan emosi turut berada dalam keadaan yang tidak stabil, ini ditambah dengan keadaan kesihatan yang tidak baik dan ada antara wanita terbabit mengalami penyakit melatah yang teruk. Maka tindakan yang dilakukan tidak disedari sama sekali. Tindakan wanita yang berada pada benteng hadapan ini pula, menurut pengikut Ibrahim Libya bukanlah satu paksaan dan ugutan terhadap mereka. Ini dilakukan hanya sebagai langkah melambatkan kemaraan pihak berkuasa dalam merempuh kawasan kejadian. Jelas, wujud dua cerita yang berlainan daripada dua sisi yang berbeza. Perbezaan keterangan ini berkemungkinan disebabkan oleh kurangnya pengetahuan terhadap keadaan pengikut dan kawasan kejadian. Maklumat yang diterima tidak diteliti dengan lebih mendalam dengan keadaan pihak berkuasa yang turut sama pada hari kejadian bukanlah dari kawasan sekitar menyebabkan berlakunya kekeliruan antara dua pihak terlibat.

Apakah mungkin salah faham atau kekeliruan maklumat ini yang sebenarnya membawa kepada teretusnya Peristiwa Berdarah Memali? Bagi pihak pengikut Ibrahim Libya kekeliruan ini sememangnya berkemungkinan menjadi pencetus kepada berlaku serangan hingga mengorbankan 18 jiwa. Meninjau keadaan di Memali dan kawasan sekitar sebelum terjadi 19hb tersebut, dapat dilihat sememangnya telah berlaku pemisahan politik antara penyokong kerajaan yang diketuai oleh Jawatankuasa Keselamatan dan Kebajikan Kampung (JKKK) serta golongan parti pembangkang diketuai oleh Ibrahim Libya. Tatkala Ibrahim Libya semakin aktif dalam politik dan pengaruhnya yang semakin hebat maka tinjauan dan pemerhatian telah dilakukan oleh pihak berkuasa. Tindakan ini tidaklah menjadi satu isu yang besar namun penglibatan pihak JKKK nyata memberikan impak yang besar. Pemerolehan maklumat kepada pihak tertinggi hanya melalui pihak JKKK yang jelas akan bertentangan dengan Ibrahim Libya. Dalam keadaan ini, berkemungkinan wujudnya maklumat yang diragui kebenaran telah disampaikan kepada pimpinan. Tambahan pula dengan ganjaran yang akan diperoleh oleh individu yang mampu memberikan sebarang informasi berkaitan kegiatan Ibrahim Libya dan para pengikutnya. Atas dasar bias dan ketegangan hubungan yang dialami sejak dahulu lagi serta ketegasan yang mungkin disalah erti, maka Ibrahim Libya dan pengikut sering menjadi sasaran utama. Tohmahan yang dianggap oleh pengikut Ibrahim Libya ini semakin serius apabila tiada usaha untuk mengenalpasti apakah benar maklumat yang disampaikan. Inilah yang menyebabkan akhirnya pada pagi 19hb November 1985, kira-kira 8.00 pagi berlakunya pertempuran antara pihak berkuasa dan pengikut Ibrahim Libya. Pada satu pihak, ini merupakan satu tindakan bagi mengekang kegiatan eksploitasi agama dan menggulingkan kerajaan dan pada satu pihak merupakan satu perjuangan atas nama Islam dan mempertahankan insane yang dinggap ketua daripada ditindas oleh dasar dan akta yang tidak berperikemanusiaan.

### **Peristiwa Memali dalam persepsi masyarakat Memali pada hari ini**

Setelah 26 tahun peristiwa berdarah tersebut terjadi, apakah penduduk Memali dan pengikut Ibrahim Libya masih lagi dibayangi oleh tragedi yang menimpa mereka? Apakah masih wujud sisa dendam atau penyelesaian yang tindakan yang telah dan pernah dilakukan? Adakah generasi muda masih lagi cuba memahami dan menyedari apa yang berlaku dan kisah sebenar di sebalik kejadian tersebut? Bagi pengikut Ibrahim Libya yang juga turut sama terlibat dalam kejadian tersebut, secara umumnya tidak dapat melupakan kejadian yang berlaku. Meskipun telah bertahun-tahun berlalu, namun perasaan kesal atas kejadian yang menimpa mereka masih lagi dalam ingatan, tidak padam dek masa. Kehilangan Ustaz

Ibrahim Libya pada mereka masih lagi ditangisi bahkan suara-suara yang meneruskan tarbiah beliau masih diteruskan. Menyentuh tentang Peristiwa Memali bahkan menentang Ibrahim Libya merupakan satu tindakan yang sama sekali tidak dapat diterima. Generasi muda terutamanya yang lahir dalam kalangan pengikut dan mereka yang terlibat secara langsung dalam kejadian tersebut masih lagi tidak melupakan kejadian 19 November 1985 itu. Boleh dikatakan sentimen politik dalam kalangan generasi muda masih lagi berpihak kepada parti pembangkang dan kekuatan politik ini hingga menyukarkan pihak atau parti lain untuk menerobos masyarakat kampung berkenaan. Bagi sesetengah pengikut, penyesalan yang timbul hanyalah dalam soal dakwaan dan kritikan yang diberikan terhadap Ibrahim Libya. Maka, hingga kini masih terdapat beberapa individu yang masih giat menulis bagi menceritakan kisah Memali dari sudut pandangan mereka.

Kejadian Memali bagi pandangan pengikut Ibrahim Libya merupakan satu tindakan yang diambil hanya atas motif politik semata-mata. Setian dakwaan dan kecaman yang ditujukan kepada Ibrahim Libya dan pengikutnya samada dalam soal pemesongan agama atau cubaan memberontak hanyalah sebagai cara pihak bertanggungjawab bagi menghalalkan tindakan mereka. Ini dilakukan hanya atas kebimbangan pengaruh dan kedudukan Ibrahim Libya yang semakin kukuh yang dilihat hanya akan mengugat kekuatan politik yang dimiliki ketika itu. Gelombang Islam yang semakin kuat melanda negara dalam tahun-tahun kebelakangan juga menjadi punca kebimbangan bahawa semakin ramai yang akan mengikut jejak langkah Ibrahim Libya dan pengikutnya. Ini terbukti dengan kekalahan nipis yang dihadapi oleh Ibrahim Libya sewaktu bertanding bagi DUN Bayu dengan kekalahan sebanyak 306 undi sahaja berbanding calon pembangkang terdahulu. Kehebatan serta bakat dalam ilmu retorik juga menjadi antara tarikan masyarakat ketika itu terhadap ajaran Ibrahim Libya turut menyumbang kepada kekhuatiran pihak yang menentangnya. Bagi pengikut Ibrahim Libya, prinsip yang dipegang pada tahun 1985 itu tidak pernah royah hingga kini bahkan sumbangan dan pentarbiah Ibrahim Libya masih akan diikuti. Perjuangan bagi menegakkan kebenaran dan menceritakan kisah sebenar Memali kepada masyarakat umum masih akan diteruskan yang berbeza hanya cara dan kaedahnya dipilih mereka samada melalui mata pena mahupun kancah politik.

## **Kesimpulan**

Menerusi penggunaan kaedah sejarah lisan nyata memberikan satu penilaian baru terhadap isu Memali. Perbezaan dan kepelbagaian maklumat serta keterangan yang diperoleh ini membolehkan masyarakat meneliti kembali peristiwa berdarah tersebut. Tidak hanya bersandarkan kepada satu sumber atau pihak sahaja, nyata gabungan pelbagai sumber akan memberikan kelainan pemahaman kepada kita. Hal ini disebabkan hakikat bahawa sebagai insan bahkan menjadi individu yang terlibat dalam kejadian tersebut, akan pasti timbul unsur bias yang didokong oleh latar belakang, persekitaran dan juga pegangan politik yang dianuti masing-masing. Maka, penelitian berdasarkan kepada kedua-dua sumber, dalam hal ini daripada pihak berkuasa dan juga pihak pengikut Ibrahim Libya akan membolehkan pemahaman yang lebih seimbang dapat dilakukan. Penceritaan daripada sisi pengikut ini tidak harus dinafikan kepentingannya lantaran individu-individu ini sememangnya lebih mengenali Ibrahim Libya bahkan turut sama dengannya dalam kejadian 19 November 1985 tersebut. Dalam usaha memahami peristiwa ini dengan lebih baik, seharusnya kita mampu bersikap lebih adil terhadap sumber tanpa menolak peranan setiap sumber.

Sejarah lisan ini juga bukan sahaja merakamkan keterangan daripada pengikut Ibrahim Libya bahkan kemasukan emosi dan perasaan dalam setiap penceritaan akan mampu memberikan tafsiran yang berbeza kepada kita. Disebabkan keterangan yang diberikan ini lahir daripada pengalaman mereka sendiri yang turut menjadi saksi proto dalam kejadian tersebut. Selain itu, dengan menjalankan kaedah sejarah lisan ini diharapkan dalam menyimpan segala maklumat berkaitan Peristiwa Memali untuk tatapan generasi akan datang. Tanpa penyimpanan keterangan saksi ini, pengetahuan dan pemahaman berhubung kejadian tersebut akan semakin dilupakan. Lantaran itu, historiografi Malaysia yang dibina dengan keadaan

kekurangan sumber dan bukti akan pasti mengalami pelbagai kepincangan. Namun, dalam keasyikan menjadikan sejarah lisan sebagai salah satu kaedah penyelidikan dalam mengkaji kembali historiografi Malaysia, dalam hal ini Peristiwa Memali, kita harus sedar akan ketebatasan sebagai seorang penyelidik. Meskipun berdepan dengan manusia sebagai subjek utama, bermain dengan emosi dan ada kalanya terjalin hubungan antara penyelidik dan individu yang dikaji, persoalan bias dan kedudukan sebagai penyelidik harus diutamakan. Matlamat penyelidikan sejarah yang utama yakni menghidangkan penemuan dan kajian sejarah berdasarkan kepada fakta dan sumber sejarah yang tulen yang ditanam dalam diri masing-masing.

## **Rujukan**

- Badriyah Salleh, Tan Liok Ee (1996) *Alam pensejarahan: Dari pelbagai perspektif*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Kertas Perintah 21 (1986) Peristiwa Memali. Percetakan Kerajaan Malaysia, Kuala Lumpur.
- Majalah Dakwah (Januari 1986).
- Memperingati Syuhada' Memali* (1986). Jabatan Penerangan dan Penyelidikan PAS Pusat, Kuala Lumpur.
- Ucapan penuh Datuk Musa Hitam di Parlimen pada 20hb. November 1985 berhubung dengan peristiwa berdarah di Kampung Memali, Baling, Kedah.